

Bil. S 6

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KANUN PERATURAN JENAYAH (PINDAAN), 2016

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
2. Pindaan bab 1 dari Penggal 7
3. Penggantian bab 13A
4. Pindaan bab 56
5. Pindaan bab 89
6. Pindaan bab 90
7. Pemasukan bab-bab 121A dan 121B baru
8. Penggantian bab 122
9. Pindaan bab 186
10. Penggantian bab 223
11. Pemasukan bab 236AA baru
12. Penggantian bab 236B
13. Pemasukan Penggal XXIIIA baru
14. Pemasukan bab-bab 237A dan 237B baru
15. Pindaan bab 265
16. Pindaan bab 291A
17. Pindaan bab 380A
18. Pindaan bab 384

19. Pindaan bab 385

20. Pindaan bab 387

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KANUN PERATURAN JENAYAH (PINDAAN), 2016

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kanun Peraturan Jenayah (Pindaan), 2016.

Pindaan bab 1 dari Penggal 7

2. Bab 1 dari Kanun Peraturan Jenayah, dalam Perintah ini disebut sebagai Kanun itu, adalah dipinda dengan memansuhkan ceraiian {2}.

Penggantian bab 13A

3. Bab 13A dari Kanun itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Kesalahan tertunggak

13A. (1) Jika tertuduh didapati bersalah atas suatu kesalahan dalam sebarang prosiding jenayah yang dimulakan oleh atau bagi pihak Pendakwa Raya, Mahkamah dalam memutuskan dan menjatuhkan hukuman boleh dengan persetujuan pihak pendakwa dan tertuduh, menimbangkan apa-apa kesalahan tertunggak lain yang tertuduh mengakui telah melakukannya.

(2) Jika kesalahan tertunggak yang disebut dalam ceraiian {1} tidak dimulakan oleh atau bagi pihak Pendakwa Raya, Mahkamah mestilah terlebih dahulu berpuas hati bahawa orang atau pihak berkuasa yang memulakan prosiding itu bersetuju dengan tindakan yang hendak dijalankan itu.

(3) Jika persetujuan diberikan di bawah ceraiian {1} atau {2} dan apa-apa kesalahan tertunggak dipertimbangkan dalam memutuskan dan menjatuhkan hukuman, hal tersebut mestilah dicatatkan dalam rekod Mahkamah.

(4) Setelah dijatuhi hukuman, tertuduh tidak boleh, melainkan jika sabitannya kerana kesalahan asal di bawah ceraiian {1} diketepikan,

dipertuduh atau dibicarakan kerana apa-apa kesalahan yang telah dipertimbangkan oleh Mahkamah di bawah bab ini.”.

Pindaan bab 56

4. Bab 56 dari Kanun itu adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memasukkan “but subject to the provisions of the Evidence Act (Chapter 108)” sejurus selepas “force” dalam baris pertama.

Pindaan bab 89

5. Bab 89 dari Kanun itu adalah dipinda dengan memotong “gazetted” dari baris akhir.

Pindaan bab 90

6. Bab 90 dari Kanun itu adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memotong “gazetted” dari baris-baris pertama dan ketujuh.

Pemasukan bab-bab 121A dan 121B baru

7. Kanun itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 121 dua bab baru yang berikut —

“Penyerahan dokumen perjalanan

121A. (1) Seorang Majistret boleh, atas permohonan seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor dengan notis bertulis, menghendaki orang yang menjadi perkara suatu penyiasatan berkaitan dengan suatu kesalahan yang dikatakan atau disyaki telah dilakukan olehnya di bawah Kanun ini supaya menyerahkan kepada seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor apa-apa dokumen perjalanan yang ada dalam milikannya.

(2) Suatu notis di bawah cerai (1) hendaklah disampaikan sendiri kepada orang yang ditujukan notis itu.

(3) Orang yang kepadanya suatu notis di bawah cerai (1) disampaikan hendaklah mematuhi notis tersebut dengan serta-merta.

(4) Jika orang yang kepadanya suatu notis di bawah cerai (1) telah disampaikan gagal mematuhi notis itu dengan serta-merta, dia boleh kemudiannya ditangkap dan dibawa ke hadapan seorang Majistret.

(5) Jika seseorang itu dibawa ke hadapan seorang Majistret di bawah cerai (4), Majistret itu hendaklah, melainkan jika orang itu kemudiannya mematuhi notis di bawah cerai (1) atau memuaskan hati Majistret itu

bahawa dia tidak memiliki suatu dokumen perjalanan, dengan waran memenjarakannya untuk ditahan dengan selamat —

(a) sehingga tamatnya tempoh 28 hari dari tarikh dia dipenjarakan; atau

(b) sehingga orang itu mematuhi notis di bawah ceraian (1) dan seorang Majistret, dengan perintah, mengarahkan Pengarah Penjara untuk melepaskan orang itu daripada penjara (perintah itu adalah waran yang memadai bagi Pengarah Penjara untuk berbuat demikian),

mengikut mana yang berlaku dahulu.

(6) Suatu dokumen perjalanan yang diserahkan kepada seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor di bawah bab ini boleh ditahan selama 6 bulan dari tarikh ia diserahkan dan boleh ditahan selama 3 bulan lagi jika seorang Majistret, atas permohonan seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, berpuas hati bahawa penyiasatan itu tidak dapat diselesaikan dengan munasabah sebelum tarikh permohonan tersebut dan membenarkan penahanan lanjut itu.

(7) Semua prosiding di hadapan seorang Majistret di bawah bab ini hendaklah dijalankan dalam kamar.

(8) Dalam bab ini, “dokumen perjalanan” bermakna suatu pasport atau dokumen lain yang membuktikan identiti atau kerakyatan seorang pemegang.

Pengembalian dokumen perjalanan

121B. (1) Apabila suatu dokumen perjalanan telah diserahkan dan ditahan oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor di bawah bab 121A, seseorang yang terjejas oleh perintah itu boleh pada bila-bila masa membuat permohonan secara bertulis, kepada seorang Majistret bagi pengembaliannya, dan tiap-tiap permohonan tersebut hendaklah mengandungi suatu pernyataan alasan yang atasnya permohonan itu dibuat.

(2) Seseorang Majistret tidak boleh menimbangkan suatu permohonan yang dibuat di bawah ceraian (1) melainkan jika dia berpuas hati bahawa notis secara bertulis yang munasabah mengenainya telah diberikan kepada pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor.

(3) Sebelum suatu permohonan dibenarkan di bawah bab ini, pemohon boleh dikehendaki untuk —

(a) mendepositkan suatu jumlah wang tunai yang munasabah dengan pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor sebagaimana yang dianggap patut oleh Majistret itu;

(b) mengadakan penjamin tempatan; atau

(c) memenuhi perenggan-perenggan (a) dan (b).

(4) Mana-mana pemohon atau penjamin tersebut boleh dikehendaki untuk mendepositkan suatu jumlah wang tunai yang munasabah dengan pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor sebagaimana yang dianggap patut oleh Majistret itu, untuk disimpan oleh pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor sehingga suatu masa apabila dokumen perjalanan itu dikembalikan kepada pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor.

(5) Kegagalan pemohon untuk pulang ke Negara Brunei Darussalam atau menyerahkan pasport kepada pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor dalam masa yang ditentukan akan menyebabkan deposit yang dipegang oleh pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor dilucuthak kepada Kerajaan dan pemohon boleh ditangkap dan diuruskan mengikut cara sama seperti orang yang gagal mematuhi kehendak di bawah bab 121A (1) boleh ditangkap dan diuruskan di bawah bab 121A (4) dan (5).

(6) Suatu permohonan di bawah bab ini boleh dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat bahawa —

(a) pemohon hendaklah selanjutnya menyerahkan dokumen perjalanannya kepada pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor pada masa sebagaimana yang mungkin ditentukan;

(b) pemohon hendaklah hadir pada masa dan di tempat di Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang mungkin ditentukan.

(7) Jika suatu dokumen perjalanan dikembalikan kepada pemohon di bawah bab ini tertakluk kepada suatu syarat yang dikenakan di bawah ceraihan (6), maka selepas masa yang ditentukan di bawah ceraihan itu, peruntukan-peruntukan bab 121A(6) hendaklah terus dikenakan berkaitan dengan dokumen perjalanan yang diserahkan oleh pemohon menurut syarat itu seolah-olah tiada pengembalian dibuat kepada pemohon di bawah bab ini.”.

Penggantian bab 122

8. Bab 122 dari Kanun itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Diari prosiding penyiasatan polis

122. (1) Tiap-tiap pegawai polis yang membuat sesuatu penyiasatan di bawah Penggal ini hendaklah dari sehari ke sehari mencatatkan prosiding penyiasatannya dalam diari yang menyatakan —

(a) waktu perintah penyiasatan, jika ada, sampai kepadanya;

(b) waktu dia memulakan dan menutup penyiasatannya;

(c) tempat atau tempat-tempat yang dilawati olehnya;

(d) orang atau orang-orang yang disoal olehnya; dan

(e) suatu pernyataan mengenai hal keadaan yang dipastikan melalui penyiasatannya.

(2) Dengan tidak menghiraukan apa-apa jua yang terkandung dalam Akta Keterangan (Penggal 108), orang kena tuduh tidaklah berhak, sama ada sebelum atau semasa apa-apa siasatan atau perbicaraan dijalankan, meminta atau memeriksa diari itu.

(3) Jika pegawai polis yang telah membuat penyiasatan itu merujuk kepada diari itu, hanya catatan yang telah dirujuk oleh pendakwa atau pegawai polis itu boleh ditunjukkan kepada tertuduh dan Mahkamah hendaklah, selepas diminta oleh pendakwa atau pegawai polis itu, menyebabkan apa-apa catatan lain disembunyikan daripada pandangan atau dipadamkan.”.

Pindaan bab 186

9. Bab 186 dari Kanun itu adalah dipinda —

(a) dengan memotong tajuk bab dan menggantikannya dengan “Public Prosecutor may decline to further prosecute at any stage”;

(b) dalam ceraian (1), dengan memotong “or the Court may of its own motion stay the proceedings” dari dua baris akhir.

Penggantian bab 223

10. Bab 223 dari Kanun itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Kuasa untuk menunda atau menangguhkan prosiding

223. (1) Mahkamah boleh, dengan perintah secara bertulis, menunda atau menangguhkan apa-apa siasatan, perbicaraan atau prosiding lain atas terma-terma sebagaimana yang difikirkannya patut dan selagi dianggapnya munasabah, jika seorang saksi tidak hadir atau apa-apa sebab lain yang munasabah yang menjadikannya perlu atau lebih baik.

(2) Tertakluk kepada cerai (3), jika tertuduh tidak diikat jamin, Mahkamah boleh dengan suatu waran menahannya dalam kurungan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Jika didapati kemungkinannya keterangan lanjut boleh didapatkan dengan menahannya, Mahkamah boleh menahan tertuduh dalam kurungan bagi tujuan apa-apa penyiasatan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang tetapi tidak lebih daripada 15 hari pada suatu masa.

(4) Jika tertuduh diikat jamin, Mahkamah boleh melanjutkan ikat jamin itu.

(5) Mahkamah mestilah merekodkan secara bertulis sebab-sebab penundaan atau penangguhan prosiding itu.

(6) Apabila seorang Hakim atau Majistret tidak ada untuk menubuhkan Mahkamah berbidang kuasa yang diperlukan mana-mana Majistret boleh, dengan perintah secara bertulis, walaupun dia tidak mempunyai bidang kuasa dalam kes itu, jika hal keadaan menyebabkannya perlu berbuat demikian, dari semasa ke semasa menunda atau menangguhkan perbicaraan itu dan boleh menahan tertuduh sama ada dalam kurungan atau diikat jamin sehingga seorang Hakim atau Majistret ada sebagaimana tersebut di atas.

(7) Apabila seorang Majistret bertindak di bawah peruntukan-peruntukan cerai (6) bab ini, dia hendaklah melaporkan hal tersebut dengan serta-merta kepada Hakim atau Majistret itu, mengikut mana yang berkenaan, yang mempunyai bidang kuasa dalam kes itu.”.

Pemasukan bab 236AA baru

11. Kanun itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 236A bab baru yang berikut —

“Orang lain boleh dibenarkan mengambil nota keterangan

236AA. Dengan tidak menghiraukan mana-mana peruntukan Kanun ini, seorang Hakim atau Majistret dalam suatu siasatan atau perbicaraan boleh menyebabkan supaya nota keterangan sepatah demi sepatah diambil oleh orang lain mengenai apa yang didepos oleh tiap-tiap saksi, sebagai tambahan kepada sebarang nota mengenai isi apa yang didepos oleh tiap-tiap saksi yang boleh dibuat atau diambil oleh Hakim atau Majistret itu sendiri, dan nota sepatah demi sepatah itu hendaklah menjadi sebahagian daripada rekod.”.

Penggantian bab 236B

12. Bab 236B dari Kanun itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Keterangan melalui sambungan video langsung atau televisyen langsung

236B. (1) Dengan tidak menghiraukan mana-mana peruntukan Kanun ini atau sebarang undang-undang bertulis lain, tetapi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan bab ini, seseorang, selain daripada tertuduh, sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam, boleh dengan kebenaran Mahkamah, memberikan keterangan melalui sambungan video langsung atau televisyen langsung dalam mana-mana siasatan, perbicaraan, rayuan atau prosiding lain jika Mahkamah berpuas hati bahawa adalah wajar bagi kepentingan keadilan untuk berbuat demikian.

(2) Dengan tidak menghiraukan mana-mana peruntukan Kanun ini atau sebarang undang-undang bertulis lain, Mahkamah boleh memerintahkan tertuduh untuk hadir di hadapannya melalui sambungan video langsung atau televisyen langsung semasa ditahan di Negara Brunei Darussalam dalam prosiding bagi mana-mana perkara yang berikut —

(a) suatu permohonan ikat jamin atau pelepasan dengan bon sendiri;

(b) perlanjutan tahanan tertuduh di bawah bab 223.

(3) Mahkamah boleh, pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah cerai (1) atau (2), membuat suatu perintah mengenai semua atau mana-mana perkara yang berikut —

(a) orang yang boleh hadir di tempat di mana saksi memberikan keterangan;

(b) orang yang tidak boleh dibenarkan masuk ke tempat itu semasa saksi memberikan keterangan;

(c) orang yang berada di dalam bilik perbicaraan yang semestinya boleh didengar, atau dilihat dan didengar, oleh saksi dan oleh orang bersama saksi;

(d) orang yang berada di dalam bilik perbicaraan yang semestinya tidak boleh didengar, atau dilihat dan didengar, oleh saksi dan oleh orang bersama saksi;

(e) orang yang berada di dalam bilik perbicaraan yang semestinya boleh melihat dan mendengar saksi dan orang bersama saksi;

(f) peringkat-peringkat dalam prosiding bahagian tertentu perintah itu berkuat kuasa;

(g) apa-apa perintah lain yang dianggap perlu oleh Mahkamah bagi kepentingan keadilan.

(4) Mahkamah boleh membatalkan, menangguhkan atau mengubah suatu perintah yang dibuat di bawah bab ini jika —

(a) sistem sambungan video langsung atau televisyen langsung itu rosak dan akan menyebabkan kelambatan yang tidak munasabah untuk menunggu sehingga sistem yang berfungsi ada;

(b) perlu bagi Mahkamah berbuat demikian untuk mematuhi kewajipannya bagi memastikan keadilan dalam prosiding itu;

(c) perlu bagi Mahkamah berbuat demikian supaya saksi dapat mengenal pasti seseorang atau sesuatu benda atau supaya saksi dapat ikut serta dalam atau melihat demonstrasi atau eksperimen;

(d) perlu bagi Mahkamah berbuat demikian kerana sebahagian daripada prosiding itu didengarkan di luar bilik perbicaraan; atau

(e) terdapat perubahan material dalam hal keadaan setelah Mahkamah membuat perintah itu.

(5) Keterangan yang diberikan oleh seorang saksi, sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam, melalui sambungan video langsung atau televisyen langsung menurut bab ini atau sebarang undang-undang bertulis lain adalah dianggap bagi maksud bab-bab 193, 194, 195, 196, 205 dan 209 dari Kanun Hukuman Jenayah (Penggali 22) sebagai telah diberikan dalam prosiding keterangan itu diberikan.

(6) Jika seorang saksi memberikan keterangan menurut bab ini atau sebarang undang-undang bertulis lain, dia adalah dianggap bagi

maksud-maksud Kanun ini sebagai memberikan keterangan di hadapan Mahkamah.

{7} Dalam ceraian-ceraian {3}, {5} dan {6}, sebutan kepada “saksi” termasuk sebutan kepada tertuduh yang hadir di hadapan Mahkamah melalui sambungan video langsung atau televisyen langsung di bawah ceraian {2}.

{8} Jika kebenaran diberikan di bawah ceraian {1} dalam hal mana-mana prosiding bagi keterangan yang akan diberikan melalui sambungan televisyen, Mahkamah boleh bersidang, bagi maksud keseluruhan atau sebahagian daripada prosiding itu, di Mahkamah atau di tempat lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh seorang Hakim, Majistret atau Pendaftar bagi maksud-maksud bab ini.”.

Pemasukan Penggal XXIIIA baru

13. Kanun itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas Penggal XXIII Penggal baru yang berikut —

“PENGAL XXIIIA

RAKAMAN PROSIDING DENGAN CARA MEKANIKAL

Pengenaan Penggal ini

236F. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Kanun ini atau peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain, berhubung dengan cara mengambil dan merakam keterangan, apa-apa cara mekanikal boleh digunakan untuk merakam mana-mana prosiding di hadapan Mahkamah, dan jika cara mekanikal digunakan, peruntukan-peruntukan Penggal ini hendaklah dikenakan.

Tafsiran Penggal ini

236G. Dalam Penggal ini —

“rakaman elektronik” bermakna apa-apa rakaman yang dihasilkan secara digital, elektronik, magnetik atau mekanikal yang disimpan dalam apa-apa peralatan, peranti, apparatus atau medium atau apa-apa bentuk penyimpanan lain seperti cakera, pita, filem, runut bunyi, dan termasuk pereplikaan rakaman tersebut kepada peralatan, peranti, apparatus atau medium penyimpanan yang berasingan atau apa-apa bentuk penyimpanan lain;

“cara mekanikal” termasuk apa-apa peralatan, peranti, apparatus atau medium yang dikendalikan secara digital, elektronik, magnetik atau mekanikal;

“prosiding” termasuk apa-apa siasatan, perbincangan, rayuan, rujukan atau penyemakan, atau mana-mana bahagiannya, apa-apa permohonan, penghakiman, keputusan, perintah, arahan, ucapan, hujah dan apa-apa perkara lain yang dilakukan atau dikatakan oleh atau di hadapan Mahkamah, termasuk perkara-perkara berkenaan dengan prosedur.

Prosiding boleh dirakam dengan cara mekanikal atau gabungan cara mekanikal dan cara lain

236H. (1) Seorang Hakim atau Majistret hendaklah mempunyai budi bicara untuk mengarahkan supaya mana-mana prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah dirakam, seluruhnya atau sebahagiannya, dengan apa-apa cara mekanikal atau gabungan apa-apa cara mekanikal.

(2) Jika mana-mana Hakim atau Majistret mengarahkan supaya mana-mana prosiding dirakam dengan apa-apa cara mekanikal, Hakim atau Majistret itu hendaklah memuaskan hatinya tentang keberkesanan dan keupayaan cara mekanikal itu berfungsi dan cara mekanikal yang digunakan untuk merakam itu dalam keadaan baik bagi tujuan memastikan bahawa rakaman elektronik prosiding tersebut adalah jelas dan tepat.

(3) Walaupun mana-mana prosiding dirakam dengan apa-apa cara mekanikal, seorang Hakim atau Majistret boleh —

(a) menggunakan apa-apa cara lain untuk mengambil dan merakam keterangan; dan

(b) pada bila-bila masa, mengarahkan supaya rakaman itu dihentikan dan rakaman prosiding tersebut diteruskan dengan apa-apa cara mekanikal lain atau apa-apa cara lain untuk mengambil dan merakam keterangan.

(4) Jika seorang Hakim atau Majistret membuat suatu keputusan bahawa apa-apa keterangan yang dikemukakan tidak boleh diterima atau tidak relevan dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada rakaman prosiding itu, dia boleh mengarahkan supaya rakaman elektronik keterangan itu dipadam atau pun selainnya tidak dimasukkan dalam rakaman prosiding itu.

Rakaman elektronik hendaklah ditranskripsikan

236I. (1) Jika mana-mana prosiding di hadapan mana-mana Hakim atau Majistret dirakam dengan apa-apa cara mekanikal, Hakim atau Majistret itu hendaklah menyebabkan supaya rakaman elektronik prosiding tersebut ditranskripsikan oleh mana-mana orang yang dibenarkan secara bertulis oleh Hakim atau Majistret itu.

(2) Apabila transkrip itu dikemukakan oleh mana-mana orang yang dibenarkan di bawah cerai (1), Hakim atau Majistret itu hendaklah memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan transkrip tersebut dan jika Hakim atau Majistret itu membuat suatu keputusan bahawa apa-apa keterangan yang dirakam tidak boleh diterima atau tidak relevan dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada rakaman prosiding itu, dia boleh mengarahkan supaya rakaman elektronik keterangan itu tidak dimasukkan dalam rakaman prosiding itu.

(3) Transkrip tersebut hendaklah disahkan dengan tandatangan Hakim atau Majistret itu.

Jagaan selamat rakaman elektronik dan transkrip

236J. (1) Hakim atau Majistret itu hendaklah menyebabkan supaya apa-apa rakaman elektronik mana-mana prosiding di hadapan Hakim atau Majistret itu dan salinan transkrip yang disahkan bagi rakaman elektronik itu disimpan dalam jagaan selamat.

(2) Rakaman elektronik itu tidak boleh dipadam, dimusnahkan atau pun selainya dilupuskan —

(a) dalam masa yang dibenarkan oleh undang-undang bagi memulakan apa-apa rayuan atau penyemakan berhubung dengan prosiding yang berkenaan itu; atau

(b) jika suatu rayuan, rujukan atau penyemakan berhubung dengan prosiding yang berkenaan itu dimulakan, sehingga rayuan, rujukan atau penyemakan itu akhirnya diputuskan atau pun selainya ditamatkan.

Pemfailan, penyerahan, pengemukaan dan penghantaran dokumen secara elektronik

236K. Jika apa-apa dokumen berkenaan dengan mana-mana prosiding dikehendaki untuk difailkan, diserahkan, dikemukakan atau dihantar kepada Mahkamah, pemfailan, penyerahan, pengemukaan atau penghantaran itu boleh dilakukan secara elektronik sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Mahkamah.

Pengeluaran Arahan Amalan

236L. Ketua Hakim boleh, jika perlu, mengeluarkan Arahan Amalan berhubung dengan penggunaan cara mekanikal dan apa-apa perkara yang berkaitan dengannya.”.

Pemasukan bab-bab 237A dan 237B baru

14. Kanun itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 237 dua bab baru yang berikut —

“Berucap mengenai hukuman

237A. (1) Sebelum Mahkamah menjatuhkan hukuman kepada orang yang disabitkan atas suatu kesalahan, pegawai atau orang lain yang menjalankan pendakwaan boleh berucap kepada mahkamah berkenaan dengan hukuman itu.

(2) Tanpa menghadkan keluasan makna ceraiian (1), pegawai atau orang lain yang menjalankan pendakwaan boleh, semasa berucap menurut ceraiian itu —

(a) menarik perhatian mahkamah kepada sebarang hal keadaan keterlaluan, atau adanya atau tiadanya sebarang hal keadaan yang meringankan, berhubung dengan kesalahan itu;

(b) jika Mahkamah mempunyai pilihan tentang jenis-jenis hukuman yang boleh dikenakan berhubung dengan kesalahan itu, memberi ulasan tentang kesesuaian jenis-jenis hukuman itu; dan

(c) jika Mahkamah mempunyai pilihan tentang jenis-jenis hukuman itu, mengesyorkan supaya Mahkamah mengenakan salah satu jenis hukuman itu.

(3) Pegawai atau orang lain yang menjalankan pendakwaan yang gagal menggunakan haknya di bawah ceraiian (1) untuk berucap kepada Mahkamah berkaitan dengan hukuman bagi kesalahan itu tidak akan diambil kira oleh Mahkamah dalam memutuskan suatu rayuan terhadap hukuman itu oleh Pendakwa Raya.

Kesan kesalahan tertentu kepada orang yang berkaitan dengannya kesalahan itu dilakukan

237B. (1) Dalam memutuskan hukuman yang akan dikenakan kepada seseorang kerana suatu kesalahan yang dikenakan bab ini, Mahkamah hendaklah mengambil kira, dan boleh, jika perlu, menerima keterangan atau hujah berkenaan dengan apa-apa kesan (sama ada jangka panjang atau pun

selainnya) kesalahan itu kepada orang yang berkaitan dengannya kesalahan itu dilakukan.

(2) Bab ini dikenakan kepada —

(a) apa-apa kesalahan yang melibatkan serangan ke atas, atau kecederaan atau ancaman kecederaan kepada, mana-mana orang;

(b) suatu kesalahan terhadap —

(i) bab 354 dari Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22) (mencabul kehormatan);

(ii) bab 376 dari Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22) (rogol);

(iii) bab 377 dari Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22) (kesalahan luar tabii);

(iv) bab 377A dari Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22) (sumbang mahram);

(v) bab 2 dari Akta Persetubuhan Haram (Penggal 29) (persetubuhan);

(c) suatu kesalahan yang mengandungi percubaan atau pakatan jahat untuk melakukan, atau bersubahat melakukan, suatu kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) atau (b).

(3) Jika Mahkamah memutuskan hukuman yang akan dikenakan kepada seseorang kerana suatu kesalahan yang dikenakan bab ini, Mahkamah hendaklah, atas permohonan orang yang berkaitan dengannya kesalahan tersebut dilakukan, mendengar keterangan orang yang berkaitan dengannya kesalahan itu dilakukan tentang kesan kesalahan tersebut kepada orang itu apabila diminta berbuat demikian.”.

Pindaan bab 265

15. Bab 265 dari Kanun itu adalah dipinda, dalam ceraiian (2), dengan memotong “prescribed” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “determined”.

Pindaan bab 291A

16. Bab 291A dari Kanun itu adalah dipinda, dalam ceraiian (2), dengan memotong perenggan (b).

Pindaan bab 380A

17. Bab 380A dari Kanun itu adalah dipinda, dalam ceraian {2} —

{a} dengan memotong perenggan *{d}*;

{b} dengan memotong perenggan *{f}* dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

“*{f}* mana-mana orang atau golongan orang yang kepadanya Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengisytiharkan bahawa peruntukan-peruntukan bab ini hendaklah dikenakan.”.

Pindaan bab 384

18. Bab 384 dari Kanun itu adalah dipinda dengan memotong “in Council” dari baris pertama.

Pindaan bab 385

19. Bab 385 dari Kanun itu adalah dipinda, dalam ceraian {2}, dengan memotong “of the Court” dari baris akhir.

Pindaan bab 387

20. Bab 387 dari Kanun itu adalah dipinda dengan memotong “His Majesty in Council” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “the Minister of Finance, with the approval of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan,”.

Diperbuat pada hari ini 4 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1437 bersamaan dengan 13 haribulan Februari, 2016 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM